

NDRC komited dalam penyelidikan, pengurusan bencana

UB 02.11.2024 P.06

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) melalui Pusat Kajian Bencana Alam (NDRC) terus memperkuatkannya komitmen dalam penyelidikan dan pengurusan bencana.

Ini dibuktikan apabila terlibat dalam Persidangan Asia Pacific Ministerial Conference on Disaster Risk Reduction (APMCDRR) 2024 yang berlangsung di Pusat Konvensyen Antarabangsa Manila, Filipina baru-baru ini.

Persidangan anjuran United Nations Office for Disaster Risk Reduction (UNDRR) dengan kerjasama Kerajaan Filipina itu disertai Pengarah NDRC UMS, Prof. Madya Ts. Gs. Dr. Carolyn M. Payus sebagai delegasi rasmi Malaysia di bawah Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) diketuai oleh Timbalan Perdana Menteri, Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi.

Carolyn berkata penglibatan NDRC dalam persidangan itu amat penting bagi memindahkan pengetahuan dan kemahiran pengurusan



KOMITMEN: Sebahagian delegasi Malaysia yang terlibat dalam sesi plenari persidangan itu.

bencana di peringkat Asia Pasifik serta mengechengkan penyelidikan dan kerjasama antarabangsa yang dijalankan oleh UMS.

“Penyertaan dalam APMCDRR 2024 memperkuatkannya hubungan antara NDRC, UMS dan NADMA di samping meningkatkan kerjasama penyelidikan rentas negara dalam pengurusan risiko bencana.

“Penglibatan ini juga membantu mengemas kini kerjasama sektor pada peringkat antarabangsa,” katanya.

Beliau turut menekankan

bahawa persidangan empat hari itu memberi peluang kepada NDRC berkongsi pengalaman serta membangunkan strategi pengurusan bencana dengan pihak lain, terutama yang berkaitan dengan isu perubahan iklim.

“Sesi plenari, sesi kerja dan acara tumpuan turut membolehkan peserta bertukar idea serta melihat pendekatan pengurangan risiko bencana (DRR) inovatif yang diamalkan oleh negara-negara lain.

“Salah satu inisiatif Malaysia yang diketengahkan dalam

persidangan ialah pelaksanaan Community Based Disaster Risk Management (CBDRM) oleh komuniti di Mesilau, Kundasang, yang menjadi model pengurusan risiko bencana berdasarkan komuniti di negara ini,” ujar beliau.

Turut hadir Ketua Pengarah NADMA, Datuk Khairul Shahril Idrus; Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pengurusan), Angkatan Pertahanan Awam Malaysia, Dato' Ismail Mohd Zawawi; serta Pegawai Penyelidik NDRC UMS, Eldawaty Madran.